

## **10 Warga Thailand Dalang Kes Pemerdagangan Manusia,Thailand Bersetuju Dengan Permintaan Malaysia Untuk Mengekstradisi**

**Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister | [zahidhamidi.com](http://zahidhamidi.com)**

**August 29, 2016**

**By Admin**

Timbalan Perdana Menteri,Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata,Thailand bersetuju dengan permintaan Malaysia untuk mengekstradisi 10 warganegaranya yang dipercayai dalang kes pemerdagangan manusia di sempadan kedua-dua negara.

Zahid Hamidi berkata,antara 10 individu yang dikenal pasti berumur dalam lingkungan 35 hingga 60 tahun terbabit dalam kes penemuan kubur besar di Wang kelian Perlis pada Mei tahun lepas.

Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri berkata,berdasarkan maklumat yang diterima dari pihak berkuasa Thailand,individu terbabit yang dikehendaki oleh pihak berkuasa Malaysia itu,sebahagiannya sudah ditahan oleh pihak berkuasa Thailand,manakala sebahagian lagi masih bebas.

Zahid Hamidi berkata, nama 10 individu itu telahpun diserahkan secara rasmi kepada Thailand semasa lawatan kerja beliau ke Bangkok pada 4 dan 5 Ogos lepas.

“Saya telah menyerahkan nama-nama itu dan hari ini, pihak berkuasa Thailand memaklumkan tindakan susulan daripada permintaan Malaysia. Sebaik sahaja Thailand menyerahkan kepada kita, kita akan mengambil 10 individu itu.

“Namun, proses ekstradisi ini perlu menjalani beberapa proses dan aspek perundangan serta harus dilihat kesesuaian berdasarkan International Transfer of Prisoners,” jelasnya.

Zahid Hamidi berkata demikian dalam sidang media di sini hari ini selepas mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatannya dari Thailand, Jeneral Prawit Wongsuwan, yang juga Menteri Pertahanan Thailand, yang melakukan kunjungan hormat terhadap beliau bersempena lawatan kerja seharinya ke Malaysia.

Menurut Zahid Hamidi,mereka perlu diekstradisi bagi membolehkan tindakan perundangan dikenakan terhadap mereka. Kita tidak mahu masyarakat antarabangsa memandang bahawa kes itu hanya dilakukan oleh pihak Malaysia, tetapi ia melibatkan jenayah rentas sempadan.

Dalam mesyuarat dua hala itu, Malaysia memohon kerjasama Thailand untuk mengenal pasti rakyat mereka yang mempunyai dwi kewarganegaraan bagi mengelakkan timbul permasalahan berkaitan isu keselamatan.

Malaysia turut meminta pihak berkuasa Thailand bekalkan cap jari atau biometrik dan mengenal pasti nama yang mempunyai kerakyatan Thailand dan Malaysia bagi mengelak timbul masalah kerumitan berkaitan isu keselamatan. Dengan adanya rekod nama dan biometrik, ia akan memudahkan untuk mengesan mereka sekiranya mereka melakukan jenayah di Thailand dan melarikan diri ke Malaysia dengan menggunakan nama Malaysia.

**Blog at WordPress.com. Follow ZAHID HAMIDI - Deputy Prime Minister of Malaysia**

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/08/29/10-warga-thailand-dalang-kes-pemerdagangan-manusiathailand-bersetuju-dengan-permintaan-malaysia-untuk-mengekstradisi/>